

UKM sambut ulang tahun ke-50

Lahirkan lebih 200,000
graduan berkualiti
dalam pelbagai bidang

Oleh **KHAIRIL ANWAR**
& **MOHD AMIN**

KUALA LUMPUR

Ulang tahun ke-50 penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang disambut semalam pastinya menjadi sejarah paling bermakna kerana kemampuan universiti itu diasaskan sebagai sebuah 'universiti rakyat'.

Lebih membanggakan, Pengerusi Lembaga Pengarah UKM, Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, universiti itu turut berjaya memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu untuk percambahan pemikiran saintifik, menyalurkan idea dan pemindah-


an pengetahuan.

"Kini UKM yang berada di tangga 160 diiktiraf sebagai antara universiti satu peratus teratas di dunia dalam QS World University Rankings 2019/2020," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Abdul Wahid yang juga bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, UKM juga berjaya menghasilkan lebih 200,000 graduan berkualiti dalam pelbagai bidang sejak tempoh 50 tahun penubuhannya.

Menurutnya, kejayaan itu termasuk melahirkan lebih 11,000 siswazah perubatan yang merupakan jumlah teramai dalam negara.

"Sejak 50 tahun penubuhannya, UKM telah menghasilkan lebih 200,000 orang siwazah berkualiti dalam pelbagai bidang.



Universiti
Kebangsaan
Malaysia



ABDUL WAHID



MOHD HAMDI

"Antara alumni Fakulti Perubatan UKM termasuk Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah; Penasihat Khas Kesihatan Awam kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Jemilah Mahmood dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Jantung Negara, Datuk Dr Aizal Azan Abdul Rahim," katanya.

Selain bidang perubatan, Abdul Wahid berkata, ramai alumni UKM kini berkhidmat dalam pelbagai kerjaya seperti Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali; Akauntan Negara, Dr Yacob Mustafa; Pener-

bit *Sinar Harian*, Datuk Dr Hussamuddin Yaacob; Naib Presiden Eksekutif Kanan Tencent Holdings, Lau Seng Yee dan Penasihat The Star Media Group, Datuk Seri Wong Chun Wai.

Sementara itu, Naib Canselor UKM, Datuk Ir Mohd Hamdi Abd Shukor menyifatkan hari ulang tahun universiti itu semalam merupakan hari amat bersejarah bukan sahaja buat UKM bahkan kepada rakyat Malaysia.

Menurutnya, meskipun sambutan jubli emas penubuhan UKM itu berlangsung dalam keadaan normal baharu tanpa majlis atau perhimpunan seperti lazimnya, namun penghargaan dan sanjungan kepada para tokoh pengasas, pelopor dan pendokong perjuangan penubuhannya tetap dizahirkan de-

ngan setulusnya.

"Maju ke hadapan pasca 50 tahun ini, UKM menyasarkan untuk menjadi universiti bertaraf dunia menjelang 2025.

"Dalam usaha mencapai sasaran ini, UKM telah menerapkan elemen kualiti dalam penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran, pengantarabangsaan, bakat dan kewangan," katanya.

Sehingga konvokesyen ke-47 yang lalu, UKM telah melahirkan keseluruhan seramai 204,857 graduan.

Bilangan keseluruhan pelajar UKM ketika ini adalah kira-kira 25,000 orang membabitkan 16,000 pelajar prasiswazah dan 9,000 pelajar pas-casiswazah.

Bilangan kakitangan UKM termasuk di hospital universiti adalah hampir 10,000 orang melibatkan 2,000 tenaga pengajar akademik, 1,300 kakitangan pengurusan dan profesional serta 6,000 staf sokongan.